

Penjelasan Proton harap diterima Dr. Mahathir

SUNGAI SIPUT 18 Jun - Penjelasan terperinci Proton Holding Berhad (Proton) mengenai beberapa isu yang dibangkitkan oleh bekas Tun Dr. Mahathir Mohamad diharapkan memulihkan semula hubungan beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Tan Sri Rahim Tamby Chik berkata, penjelasan yang dibuat oleh Pengerusi Proton, Datuk Mohd. Azlan Hashim membuktikan keikhlasan Perdana Menteri dalam menunaikan janjinya.

"Kita gembira kerana janji Perdana Menteri mahu menjelaskan secara sistematik isu-isu yang dibangkitkan oleh Dr. Mahathir

telah pun disempurnakan.

"Penjelasan tersebut amat komprehensif dan kalau kita mempunyai minda perniagaan sudah pasti dalam keadaan seperti itu adalah logik Proton berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas Merasmikan Mesyuarat Tahunan Ke-41 Koperasi Kemajuan Tanah Perak Berhad di Dewan Konvensyen Taman Tun Sambathan di sini hari ini.

Azlan membuat penjelasan sekali lagi baru-baru ini bahawa penjualan MV Agusta Motor SpA terpaksa dilakukan bagi mengelakkan Proton turut terheret ke dalam masalah kewangan syarikat motosikal berprestasi tinggi itu.

Dalam hubungan ini, Rahim berkata, rakyat Malaysia pasti berasa gembira sekiranya salah faham antara kedua-dua pemimpin besar itu dapat diselesaikan melalui penjelasan yang dibuat oleh Proton.

Beliau berkata, Dr. Mahathir mempunyai niat baik apabila membangkitkan beberapa isu yang dipersoalkan baru-baru ini dengan harapan mendapat penjelasan mengenai-nya.

"Kita percaya rakyat berasa tidak seronok apabila dua tokoh besar ini mempunyai salah faham dalam media.

"Perdana Menteri sendiri mahu memberi penjelasan dengan cara yang baik terhadap perkara yang dibangkitkan," katanya.